



Memuridkan Belia Kristian IGen Berbahasa Malaysia

*Kita tidak akan merahsiakannya daripada anak cucu mereka;
kita akan memberitahu keturunan yang akan datang tentang pujian untuk TUHAN,
dan kekuatan-Nya, serta hasil-hasil kerja-Nya yang menakjubkan.
(Mazmur 78:4)*

Kita sering menyebut mereka sebagai generasi yang penuh kegelisahan. Generasi Z, yang sering dipanggil Generasi Internet (IGen), merujuk kepada golongan muda yang membesar dalam dunia yang dibentuk oleh telefon pintar, media sosial, dan keterhubungan yang berterusan. Berbeza dengan generasi sebelumnya, mereka tidak pernah mengalami kehidupan tanpa internet. Persekitaran digital ini secara signifikan membentuk cara mereka berfikir, berkomunikasi, dan membina hubungan. Bagi gereja-gereja berbahasa Malaysia, memuridkan belia Kristian IGen memerlukan tentang dunia mereka dan pada masa yang sama kekal berakar umbi dalam kebenaran alkitabiah.

1. Hubungan Autentik, Bukan Sekadar Kuasa Autoriti

Dalam banyak gereja berbahasa Malaysia, belia diajar untuk menghormati pemimpin dan orang yang lebih tua. Nilai budaya ini penting dan alkitabiah. Namun, ia kadangkala mewujudkan jurang antara pemimpin dan golongan muda. Belia mungkin teragak-agak untuk berkongsi keraguan, pergumulan, atau persoalan kerana takut dianggap tidak hormat atau lemah secara rohani.

Bagi belia IGen, hubungan yang autentik sangat penting. Mereka tidak mencari pemimpin yang sempurna, tetapi mentor yang tulus dan mudah didekati. Pemuridan menjadi berkesan apabila pemimpin berjalan bersama mereka, mendengar, dan berkongsi kehidupan. Paulus menasihati Timotius: *"Jangan biarkan sesiapa menghinamu kerana usiamu yang muda. Jadikan dirimu teladan kepada semua orang beriman dari segi kata-kata, kelakuan, kasih, iman dan kesucian."* (1 Timotius 4:12). Apabila pemimpin menunjukkan kerendahan hati, kejujuran, dan ketekunan dalam iman, belia melihat bahawa mengikut Kristus adalah perjalanan yang nyata dan hidup.

2. Memperkukuh Iman dalam Generasi yang Penuh Persoalan

Belia hari ini mempunyai akses kepada maklumat tanpa batas melalui internet. Persoalan tentang iman, sains, moral, dan identiti sentiasa muncul dalam dunia digital mereka. Jika gereja tidak menanggapi persoalan ini, internet akan melakukannya.

Oleh itu, pemuridan perlu merangkumi pengajaran Alkitab yang mendalam dan berfikir supaya belia memahami apa dan mengapa mereka percaya. Daripada sekadar menyuruh mereka untuk "percaya," gereja harus membantu mereka membina iman yang dapat berdiri teguh dalam dunia yang skeptikal. Firman Tuhan mengingatkan: *"Sentiasalah bersedia untuk memberi jawapan kepada setiap orang yang meminta penjelasan tentang pengharapan yang ada padamu"* (1 Petrus 3:15). Apabila belia melihat bahawa iman Kristian memberikan jawapan yang bermakna kepada isu kehidupan sebenar, keyakinan mereka terhadap Injil akan bertumbuh.



3. Membina Komuniti Sejati Melalui Kumpulan Kecil

Walaupun ramai belia menghadiri ibadah gereja, pemuridan yang sebenar sering berlaku dalam persekitaran yang lebih kecil dan peribadi. Dalam konteks Malaysia yang menghargai kebersamaan, kumpulan kecil boleh menjadi ruang yang sangat berkuasa untuk pertumbuhan rohani.

Kumpulan sel belia atau kumpulan pemuridan kecil membolehkan orang muda bertanya dengan jujur, berkongsi pergumulan, dan mempelajari Firman bersama. Dalam suasana ini, mereka belajar berdoa antara satu sama lain dan saling menguatkan iman. Amsal 27:17 menyatakan, *"Besi menajamkan besi, demikianlah seseorang menajamkan sahabatnya."* Melalui hubungan yang disengajakan, belia belajar bahawa mengikut Kristus bukan perjalanan bersendirian tetapi kehidupan bersama dalam tubuh Kristus.

4. Membimbing Belia dalam Hikmat Digital

Bagi belia IGen, dunia digital tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan harian. Platform seperti TikTok, Instagram, dan WhatsApp membentuk cara mereka berkomunikasi, berfikir, dan membina identiti. Oleh itu, pemuridan perlu menyentuh cara hidup setia dalam dunia digital.

Belia memerlukan bimbingan untuk menggunakan teknologi secara bijak—mengelakkan perbandingan diri, permusuhan dalam talian, dan kandungan yang merosakkan, sambil belajar mencerminkan Kristus melalui perkataan dan tindakan mereka di ruang digital. Firman Tuhan mengingatkan bahawa seluruh hidup kita milik-Nya: *"Setiap yang kamu lakukan, baik makan mahupun minum, lakukanlah untuk memuliakan Allah."* (1 Korintus 10:31). Prinsip ini juga terpakai keada kehadiran digital mereka.

5. Melibatkan Belia dalam Misi yang Bermakna

Belia IGen sering digerakkan oleh tujuan hidup. Mereka ingin melihat bagaimana iman berkait dengan kehidupan sebenar. Gereja boleh memupuk kerinduan ini dengan melibatkan mereka dalam pelayanan dan perkhidmatan masyarakat—menolong yang miskin, melawat komuniti yang memerlukan, terlibat dalam penginjilan, atau menyertai misi.

Apabila belia melayani secara aktif, mereka mengalami Injil bukan sekadar sebagai ajaran tetapi sebagai cara hidup. Yesus memanggil pengikut-Nya untuk hidup sebagai saksi-Nya: *"Kamu ialah terang dunia... hendaklah terangmu bercahaya di hadapan manusia"* (Matius 5:14–16).

Kesimpulan

Memuridkan belia IGen dalam gereja berbahasa Malaysia memerlukan lebih daripada sekadar program atau aktiviti. Ia memerlukan hubungan yang tulen, pengajaran Alkitab yang kukuh, komuniti yang autentik, hikmat digital, dan peluang untuk terlibat dalam misi. Apabila gereja dengan sengaja berjalan bersama golongan muda—menolong mereka mengenal Kristus, memahami Firman, dan menghidupi iman—mereka dapat bertumbuh menjadi murid yang matang yang bersinar sebagai terang Kristus dalam generasi mereka.




Apabila ditanya apakah momen yang paling tidak dapat dilupakan di SKI? Jawapan spontan daripada para pelajar adalah "kehidupan komuniti"! Sesungguhnya, pelajar bukan sekadar menghadiri kelas di SKI. Mereka berkongsi kehidupan. Selama 38 hari, mereka bangun, berdoa, makan, ketawa, dan membesar bersama seperti sebuah keluarga. Dalam komuniti yang sederhana tetapi erat itu, hati mula berubah. Tembok diruntuhkan, persahabatan diperdalam, dan pekerjaan Tuhan menjadi nyata dalam setiap detik harian. Mereka belajar untuk saling mengambil berat, memaafkan, dan memikul beban satu sama lain.



Ini merupakan tahun ketiga Wawasan Penabur menganjurkan Sekolah Kepimpinan Isakhar (SKI). SKI 2026 telah diadakan dari 8 Januari hingga 14 Februari, melibatkan 31 belia berumur 17–22 tahun. Tahun ini, sebanyak 13 denominasi diwakili dalam kalangan staf, pelajar, dan Penyelia Perjalanan Misi kami. Kohort ini terdiri daripada 10 pelajar Orang Asli (daripada lima suku), 13 anak Sabah, dan 7 anak Sarawak. Mereka meninggalkan SKI dengan hati yang telah diubah, iman yang lebih mendalam, dan panggilan tenang yang membimbing mereka dengan lembut ke mana sahaja mereka pergi.

Visi SKI adalah "Untuk melahirkan generasi pemimpin muda yang percaya kepada Alkitab yang akan memberi impak kepada komuniti berbahasa Malaysia." Kita perlu melahirkan generasi penerus pemimpin gereja Bahasa Malaysia, yang bukan sahaja kuat dalam iman mereka, tetapi juga mempunyai hikmat dan kebijaksanaan untuk memahami zaman yang mereka hidup, sama seperti anak-anak Isakhar (1 Tawarikh 12:32), supaya mereka dapat membantu jemaat mereka pada masa yang sukar dan diperlukan



SKI mempunyai 4 objektif:

1. Pemuridan berakar umbi dalam Alkitab sebagai asas utama untuk kehidupan.
2. Keseimbangan antara pengetahuan (kepala), ketaatan dalam hidup (hati) dan pelayanan praktikal (tangan).
3. Penyediaan asas yang baik untuk kehidupan dan pelayanan.
4. Disiplin Kristian praktikal dipelajari melalui kehidupan komuniti bersama.

Tahun ini, Tuhan mencabar kami untuk melihat kepada belia Orang Asli. Memuridkan belia Orang Asli adalah sangat penting kerana mereka adalah "anak sulung" di Semenanjung Malaysia, yang telah ditempatkan Tuhan dengan panggilan dan warisan yang unik. Anak sulung membawa tanggungjawab, pengaruh, dan peranan dalam memimpin orang lain. Mereka memegang kunci kepada pemulihan rohani dan kebangkitan bukan sahaja dalam komuniti mereka sendiri, tetapi untuk seluruh Malaysia!



Oleh itu, kami akan menjalankan sekolah Alkitab berkediaman selama lima minggu, iaitu Sekolah Kepimpinan Isakhar-Timotius (SKIT), dari 18 Mei hingga 20 Jun 2026. Objektifnya tetap sama seperti SKI, namun setiap minggu akan memberi tumpuan kepada bidang yang berbeza: pembentukan hati, pembentukan pola fikir, kecekapan sosial, kecekapan ekonomi, dan pembentukan pelayanan.

Berdoalah dan bergabunglah bersama kami dalam SKIT, bagi 30 belia Orang Asli yang berumur 18-25 tahun. Doakan agar apabila belia ini dimuridkan, mereka diperkuatkan untuk berjalan dalam identiti yang diberikan Tuhan, menjadi pemimpin yang setia dan perintis rohani dalam komuniti mereka. Apabila mereka bertumbuh dalam Kristus, mereka dapat membuka jalan transformasi, membawa cahaya Injil ke tempat-tempat dan orang-orang yang sering terlepas pandang.



Semoga Tuhan menggunakan SKI dan SKIT untuk memberi impak kepada kehidupan dan membangkitkan generasi baru pemimpin gereja Bahasa Malaysia yang sangat penting dalam pembangunan negara.

Doa oleh Wakil Pelajar SKI 2026

Joevandy Gerrard Lukas (Lunbawang)
SIB City Life, KL



Allah Bapa kami yang di syurga, terpujilah nama-Mu di bumi seperti di syurga. Bapa, kami datang ke hadirat-Mu sekali lagi untuk menyerah-kan diri kami ke dalam tangan Engkau.

Kami ingin bersyukur kerana Engkau telah membawa kami, 31 pelajar untuk mengikuti Sekolah Kepimpinan Isakhar ini.

Ya Bapa, kami bersyukur kerana Engkau telah menjaga kami sepanjang SKI. Biarlah segala perkara yang telah kami pelajari akan kami terapkan dalam hidup kami, dan segala nasihat, peringatan dan ajaran akan kami ingat, kerana kami tahu Engkau akan menyertai kami sepanjang hidup kami, kerana Engkau mengasihi kami.

Tuhan, kami percaya Engkau akan terus memakai kami apabila kami keluar dari SKI ini. Kami akan menjadi saksi, garam dan terang bagi setiap suku bangsa kami, dan Engkau akan memakai kami untuk memberitakan firman- Mu di setiap kesempatan yang Engkau berikan.



Kami percaya Engkau akan bekerja dan melakukan sesuatu mukjizat di mana setiap suku bangsa Orang Asli dan Orang Asal dapat bersatu, daripada Semenanjung, Sarawak dan Sabah, bersatu teguh demi nama-Mu.



Kami percaya semuanya itu adalah kehendak Tuhan. Engkau Bapa dan Engkau akan sentiasa menyertai kami. Untuk masa depan kami serahkan semuanya ke dalam tangan-Mu Bapa.

Segala kemuliaan hanya bagi-Mu sahaja. Terpujilah nama-Mu. Amen.



Perjalanan Menuju Hati yang Lapang

Alfin A/L Arman (Orang Asli Semelai)
Sidang Injil Kg. Putat, Pos Iskandar, Pahang

Dahulu saya seorang yang susah untuk memaafkan apabila seseorang menyakiti hati saya. Tetapi di SKI, setelah saya belajar tentang *Mengenal Hati Bapa*, hati saya mula tergerak untuk memaafkan orang yang saya dendami selama ini. Dalam masa yang sama, saya telah melepaskan rasa dendam yang ada dalam hati saya.



Hari ini, hati saya terasa lebih lapang, berpaut pada ketenangan yang tidak pernah saya bayangkan. Mengampuni bukan lagi satu beban, tetapi satu tindak balas semula jadi kerana saya akhirnya menyedari betapa dalamnya pengampunan yang telah saya terima untuk diri saya sendiri.

SKI banyak mengubah diri saya. Dahulu, saya seorang yang pada waktu pagi tidak membuka Alkitab dan merenungkan Firman Tuhan. Saya selalu main telefon bimbit, tidak minat menulis. Tetapi, selepas berada di SKI, saya selalu membuka Alkitab dan merenungkan Firman Tuhan, kemudian menulis jurnal rohani saya.

Semakin hari saya berada di SKI, diri saya semakin berubah dan kehidupan saya tersusun berbanding sebelum ini, di mana kehidupan saya berantakan. Saya bersyukur kepada Tuhan kerana Dia telah menghantar saya ke SKI.



Selepas SKI, saya akan terus membuat renungan pagi dan mengambil masa bersama Tuhan dengan mendengar firman Tuhan, dan menulis jurnal harian saya.



Satu Asas yang Teguh

Ceroline Joham Ali (Dusun-Toraja)


Sidang Injil Triang, Pahang



Sebelum ke SKI, saya banyak habiskan masa dengan leka di dunia saya – sibuk dengan sekolah dan hiburan. Tuhan hanya satu sosok yang jauh. Selepas tamat SPM, ada kerinduan saya untuk Tuhan yang sangat mendalam. Ia bukan satu paksaan untuk ikut

SKI, tetapi Roh Kudus menggerakkan hati saya untuk mengikutinya.

Di SKI, saya belajar tentang Doktrin & Apologetik, di mana berdebat bukanlah satu hal yang menguntungkan, tetapi lebih kepada menjawab pertanyaan2 dengan berlandaskan kepercayaan saya yang teguh dalam Dia. Dahulu, apabila iman kepercayaan saya dicabar, saya akan diam dan menyendiri. Tetapi sekarang, saya boleh dengan penuh keyakinan menjelaskan apa yang saya percaya.



Perubahan yang ketara dalam hidup saya sekarang ialah saya lebih intim dan dekat dengan Tuhan – melalui renungan pagi, sesi-sesi pembelajaran, komuniti yang mendorong.

Satu lagi hal yang saya dapat ialah penguasaan diri dan mengawal fikiran saya. Sebelum SKI, hati saya seperti tisu dan mudah goyah sehingga saya membiarkan *overthinking* mengambil alih hati dan perasaan saya. SKI telah memberi satu impak yang sangat besar dalam hidup saya.



Dari Prestasi ke Kepunyaan

Chelsea Chong Qi Yeah (Sino Kenyah)

SIB Ampang, Selangor



Sebelum ke SKI, saya adalah seorang yang sangat mementingkan prestasi dalam hidup. Saya jarang berdoa, apa lagi membaca Firman Tuhan. Kadang-kadang saya juga merasa ragu dengan iman dan kepercayaan saya. Apabila ibu saya mendaftarkan saya ke SKI, saya tidak merasa apa-apa, dan hanya menganggap SKI sebagai satu kem untuk mengisi masa lapang saya selepas SPM.

Selama 5 minggu di SKI, pelajaran utama yang saya dapat ialah memahami kehendak Tuhan dalam hidup saya, serta mempertahankan iman kepercayaan saya. Sesi Tinjauan Perjanjian Baru dan Doktrin & Apologetik telah banyak membantu saya dalam pemahaman saya tentang Kristus.

Bagi saya, sesi yang paling membawa impak yang besar kepada saya ialah *Mengenal Hati Bapa*. Pengajaran itu telah mengingatkan kepada saya bahawa saya mempunyai seorang Bapa yang selalu membimbing dan menyertai saya sepanjang hidup ini. Oleh itu, untuk mengekalkan hubungan intim saya dengan Allah Bapa, saya harus berdoa dan membaca Firman-Nya.



Selepas SKI, saya berharap saya dapat teruskan disiplin membaca dan merenung firman Tuhan, mengaplikasikan ilmu yang saya dapat daripada SKI, supaya dapat terus bertumbuh dalam Kristus dan melayani Tuhan.

Saya sangat bersyukur dengan peluang belajar di SKI dan bertumbuh dalam satu komuniti yang seiman. Saya adalah anak tunggal dalam keluarga, dan kebanyakan masa hanya ada nenek di rumah. Komuniti saya sangat kecil, iaitu hanya di hari minggu bila saya ke gereja. Sekarang saya mempunyai komuniti Para Girls SKI. Puji Tuhan.



Saya Anak-Nya

Elijah Samuel (Orang Asli Jakun)

Gereja Emaus Buluh Nipis Muadzam Shah, Pahang



SKI telah menjadi satu komuniti Kristian dan keluarga besar untuk saya. Di sana, kami saling mendorong antara satu sama lain, serta mendoakan dan mengasihi sesama kami.

Ada satu pelajaran yang sangat-sangat menyentuh hati saya: *Mengenal Hati Bapa*. Saya merupakan seorang anak angkat, dan dibawa balik oleh ibu bapa angkat saya ketika saya berusia 3 bulan. Saya tidak pernah tahu mengapa saya ditinggalkan. Saya menangis semasa pelajaran itu, apabila saya mengampuni dan mengakui dosa saya terhadap ibu bapa saya.

Pelayanan hamba juga sangat menyentuh hati saya. Semasa kami membasuh kaki sesama, sekali lagi saya menitikkan air mata dan belajar bagaimana untuk merendahkan hati dalam pelayanan.



Saya berharap selepas SKI2026 saya akan tetap melakukan Renungan Harian dan menulis jurnal rohani kerana ini akan menguatkan lagi perjalanan saya dengan Tuhan. SKI mengajar saya untuk bagaimana memimpin diri saya dalam meneladani Kristus, sebelum saya boleh pimpin orang lain.



Dari Sementara ke Kekal

Evilyn Ladin (Rungus)

Gereja PCS Bingolon, Kudat, Sabah



Dahulu saya seorang yang sangat mementingkan hal-hal duniawi. Tuhan tidak ada dalam kamus kehidupan saya. Tetapi apabila saya sudah di SKI, satu pelajaran yang betul2 menyentuh perasaan dan jiwa saya ialah sesi Disiplin Kerohanian. Semasa sesi itu berjalan, Roh Kudus menegur saya, seolah-olah saya ditampar dan ditumbuk dengan apa yang diajar kerana disiplin rohani saya ketika itu sangatlah teruk. Saya hanya membuat renungan pagi semasa saya di asrama sahaja, dan sangat tidak konsisten.

Di SKI, kami diwajibkan membuat renungan pagi selama satu jam setiap pagi, dan saya mula faham bahawa disiplin itu sangat penting dalam kehidupan seorang Kristian. Firman Tuhanlah yang membentuk saya dan mempersiapkan diri saya untuk masa depan.



Saya tetap ingat kata mutiara, "Mulakan harimu dengan Tuhan dan berakhir harimu dengan Tuhan".

Saya berharap agar pelajaran dan pengalaman yang diperoleh sepanjang SKI dapat membentuk saya menjadi seorang pemimpin yang lebih berintegriti, berani dan bertanggungjawab dalam setiap Amanah yang diberikan. Harapan saya ialah saya dapat terus kekalkan disiplin membaca dan merenung firman Tuhan kerana ini dapat membentuk keperibadian saya dalam Kristus.



Hadiah Sebuah Dorongan

Jovian Jamieson Chambai Gara (Iban)

Pusat Injil Kelana Jaya, Selangor



Hampir semua yang saya belajar di SKI adalah yang saya lakukan untuk pertama kali. Paksaan keluarga saya untuk mengikuti SKI benar-benar bermakna kerana saya dapat mendekati diri dengan Tuhan, dan mengenali hati Bapa terhadap saya.

Tanpa paksaan keluarga saya, saya tidak akan ada peluang untuk melayani kanak-kanak di Rumah Kanak-Kanak Hope, muda-mudi, kanak-kanak sekolah minggu, dan berjumpa kawan-kawan seiman yang ramai. Sebelum SKI, saya hanya ada seorang dua kawan Kristian saja. Di SKI, kami dapat mencipta banyak kenangan yang indah bersama.

Selepas SKI, saya mahu teruskan dengan disiplin rohani membaca dan merenung firman Tuhan, menulis jurnal, dan melakukan semua yang saya sudah belajar di SKI supaya saya boleh membawa diri saya ke mana saja tanpa meninggalkan Tuhan.




Sesi yang paling memberi impak kepada saya ialah tentang pertaubatan, kerana itu bermaksud saya harus tidak mengulangi atau melakukan dosa yang sama.

Kepada ibu bapa yang sedang mempertimbangkan untuk menghantar anak mereka ke SKI, teruskan hasrat dan harapan itu. Ibu bapa tahu apa yang terbaik untuk pertumbuhan rohani anak-anak mereka. SKI telah membuktikan bahawa ia adalah satu sekolah kepimpinan untuk remaja yang terbaik!



Buku Baru

Sejarah Kekristianan di Malaysia



Buku mengenai gereja Malaysia ini, "A History of Christianity in Malaysia from early beginnings to 2013" oleh Rev. Dr. John Roxborogh, telah pertama kali diterbitkan sepuluh tahun yang lalu. Kami telah memutuskan untuk menterjemahkannya ke dalam Bahasa Malaysia supaya umat Kristian yang berbahasa Malaysia dapat mengetahui sejarah Kekristianan di negara ini.

Komuniti di seluruh rantau yang kini dikenali sebagai Malaysia telah lama memeluk iman Kristian sebagai bahagian penting dalam identiti dan warisan mereka. Buku ini bertujuan untuk merekod dan mengesan kisah mereka, daripada permulaan terawal sehinggalah ke tahun 2013. Ia merupakan sebuah naratif tentang kepelbagaian bahasa, etnik, kepercayaan, dan budaya — satu perjalanan yang ditandai dengan keberanian yang besar dan ketabahan yang teguh.

Sering kali, apa yang bermula di pinggir kehidupan gereja akhirnya menjadi teras utamanya. Orang Kristian memahami gambaran mendalam tentang batu yang dibuang oleh pembina, yang kemudiannya menjadi batu penjuru (Mazmur 118:22). Dalam merenung sejarah, kita mendapati bahawa walaupun terdapat tokoh-tokoh terkemuka yang visi dan keputusannya meninggalkan impak yang besar, namun dalam jangka masa panjang, sering kali individu yang kelihatan kecil, tidak penting, atau malah dianggap sebagai beban atau terpinggir, yang memainkan peranan paling menentukan.

Dalam konteks kontemporari, Kekristianan di Malaysia dicirikan oleh rasa kekitaan yang mendalam dan komitmen terhadap doa yang merangkumi setiap aspek kehidupan. Buku ini bertujuan untuk menonjolkan bagaimana kematapan itu ditempa melalui pengalaman penjajahan, peperangan, kemerdekaan, dan proses pembinaan negara, yang menjangkau lebih lima abad sejarah.

SKIT 2026



<https://www.sekolahisakhar.com.my/>



Badan Pengurus (Penabur):

- **Chow Chee Yan** (Petaling Jaya Evangelical Free Church)
- **Roshan Thiran** (Pusat Injil Kelana Jaya)
- **Randy Singkee** (Sungai Way-Subang Methodist Church)
- **Rev Danil Raut** (BEM Sarawak, Legacy Builder Ministry)

Badan Penasihat:

- **Rev Wong Fong Yang** (Senior Pastor Pengasas, City Discipleship Presbyterian Church)
- **Rev Datuk Jerry Dusing** (President, SIB Sabah)
- **Lim Heng Seng** (Peguam, SIB KL)
- **Rev Jasme Dairis** (Mantan Presiden, SIB Semenanjung)



<https://sabdaharian.com/>

Bagaimana Kita Boleh Bekerjasama?

- Sponsor dan dukung **“Kempen Satu Anak Kristian Satu Alkitab”** Wawasan Penabur
- Menyumbang pada **“Projek Didital Sabda Harian & Bicara Sabda”**
- Mensponsor pekerja sepenuh masa atau pelajar Sekolah Alkitab di pedalaman melalui **“Inisiatif Sikhem”**
- Mendukung **“Sekolah Kepimpinan Isakhar-Timotius”**
- Doa Syafaat. “Jikalau bukan TUHAN yang membangun rumah, sia-sialah usaha kita yang membangunnya”. Saya mahu serahkan diri kepada Tuhan untuk berdoa bagi gereja-gereja BM dan pelayanan Wawasan Penabur.

Saya / Organisasi/Syarikat saya mahu menyumbang untuk pelayanan Wawasan Penabur.

Ini adalah sumbangan saya/kami untuk Wawasan Penabur*: RM _____

Nama: _____ Email: _____

Alamat: _____

Nombor Telefon: _____ (rumah) _____ (pejabat)

_____ (telefon bimbit) _____ (fax)

Cek: atas nama “Wawasan Penabur Sdn Bhd”

Bank-in: Akaun Maybank: 5623 6663 2813

* Sila fax/kirim/email *bank-in-slip* kepada kami.